

Ruj. Kami : UTM.J.08.01/10.12/31 (48)
Tarikh : 8 Mei 2026 / 20 Zulkaedah 1447

Semua Pensyarah,
Semua Pelajar,
Universiti Teknologi Malaysia

Assalamualaikum wrt. wbt.,

YBrs Prof./ Prof. Madya/ Dr./Saudara,

PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (P&P) SECARA DALAM TALIAN – 29 MEI 2026

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Selaras dengan Pelaksanaan Kawalan Operasi Kampus UTM Dalam Menangani Krisis Tenaga Global serta Pekeliling Akademik Bil. 5/2026 bertarikh 14 April 2026, semua kuliah dan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) telah ditetapkan pada hari Selasa dan Khamis hendaklah dilaksanakan secara dalam talian.
3. Oleh yang demikian, sempena Cuti Hari Raya Aidil Adha yang dijangkakan pada 27 Mei 2026, Cuti Hari Wesak pada 31 Mei 2026 dan Cuti Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong pada 1 Jun 2026, semua pensyarah diminta untuk melaksanakan P&P secara dalam talian pada **Jumaat, 29 Mei 2026**.
4. Sehubungan itu, semua pensyarah dimohon mengambil tindakan berikut:
 - i. Melaksanakan kuliah, tutorial, perbincangan dan aktiviti akademik yang bersesuaian secara dalam talian menggunakan platform yang ditetapkan oleh universiti;
 - ii. Memaklumkan kepada pelajar berkenaan kaedah pelaksanaan P&P dan jadual terkini sekiranya terdapat perubahan; dan
 - iii. Menyusun semula sesi P&P yang melibatkan penggunaan makmal, studio, bengkel dan lain-lain kemudahan khas kepada tarikh yang bersesuaian.
5. Pelajar diminta untuk sentiasa peka terhadap sebarang pemakluman daripada fakulti dan pensyarah masing-masing serta memastikan kehadiran dan penyertaan dalam sesi P&P secara dalam talian berjalan dengan lancar.

Kerjasama dan perhatian semua pihak dalam memastikan kelancaran pelaksanaan P&P ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. Ts. DR. INTAN ZAURAH BINTI MAT DARUS)

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Teknologi Malaysia



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA



Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru
Johor, Malaysia
Tel: +607-533 3333

Ref. No. : UTM.J.08.01/10.12/31 (48)
Date : 8th May 2026

**All Lecturers,
All Students,**
Universiti Teknologi Malaysia

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh and greetings,

Dear lecturers and students,

IMPLEMENTATION OF ONLINE TEACHING AND LEARNING (T&L)- 29 MAY 2026

With reference to the matter above.

2. In line with the UTM Operational Control Implementation in Addressing the Global Energy Crisis and also Academic Circular No. 5/2026 dated 14th April 2026, all lectures and Teaching and Learning (T&L) activities scheduled on Tuesdays and Thursdays are to be conducted online.

3. Accordingly, in conjunction with the Hari Raya Aidiladha Holiday expected on 27th May 2026, Wesak Day Holiday on 31st May 2026, and the Official Birthday of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong Holiday on 1st June 2026, all lecturers are also required to conduct online T&L sessions on **Friday, 29th May 2026**.

4. In this regard, all lecturers are requested to take the following actions:

- i. Conduct lectures, tutorials, discussions, and suitable academic activities online using the platforms designated by the university;
- ii. Inform students regarding the implementation method of the online T&L sessions and any changes to the schedule, where applicable; and
- iii. Reschedule T&L sessions involving laboratories, studios, workshops, and other special facilities to appropriate dates.

5. Students are advised to remain attentive to any announcements from their respective faculties and lecturers and to ensure their participation and attendance in the online T&L sessions. The cooperation and commitment of all parties in ensuring the smooth implementation of these arrangements are highly appreciated.

Thank you.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT KERANA ALLAH”

I, who uphold trust,

(PROF. TS. DR. INTAN ZAURAH BINTI MAT DARUS)
Deputy Vice-Chancellor (Academic and International)
Universiti Teknologi Malaysia